

CNS5572

U GB 10-06 00157 BH531

aab

Mahathir - Islam

KEKUATAN EKONOMI PENTING BAGI MEMASTIKAN NEGARA BEBAS

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kekuatan ekonomi serta penguasaan semua bidang pengetahuan dan kemahiran moden perlu bagi memastikan Malaysia benar-benar menjadi sebuah negara bebas.

Katanya, kekerapan kerajaan memperkatakan mengenai pertumbuhan ekonomi bukan kerana taksud dengan materialisme atau tamak akan kekayaan dunia tetapi apa yang dimaksudkan ialah kekuatan dalam bidang pentadbiran, perniagaan dan perusahaan moden serta penguasaan ilmu yang luas.

"Hanya dengan semua ini baharulah kita dan agama kita akan dihormati," katanya dalam perutusannya sempena Ma'al Hijrah, yang akan disambut esok.

Beliau berkata jika rakyat negara ini lemah dan tidak mempunyai ilmu dan kecekapan tertentu, kita masih terdedah kepada penjajahan yang tidak banyak berbeza daripada penjajahan secara langsung dahulu.

Oleh itu di Malaysia, matlamat kita ialah untuk benar-benar menjadi negara yang bebas, katanya. -- Lagi.

♥10/06/15-26MST

U GB 10-06 00157 BH532

aab

Mahathir - Islam 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata sudah tiba masanya umat Islam memiliki pengetahuan dalam semua ilmu bagi memelihara diri, di samping mempelajari ajaran Islam yang sebenar.

Masanya sudah tiba untuk kita berterus-terang mengenai ajaran-ajaran yang sempit yang tidak sedikitpun menolong kita atau memelihara maruah masyarakat dan agama Islam, katanya.

"Hari ini berjuta-juta umat Islam ditindas, diseksa dan dibunuh dan seribu jula umat Islam di dunia tidak dapat membuat apa-apa kerana umat Islam berpecah-pecah dan asyik hendak menentukan tempat di akhirat semata-mata," katanya.

Katanya, mereka bukan sahaja membuat ibadat yang disuruh tetapi turut mencipta ibadat baru dengan memakai pakaian tertentu dan menqulamakan perkara remeh-temeh yang hanya memecah-belahkan umat Islam.

Selain itu, mereka turut terpengaruh dengan pemisahan di antara "agama" dengan sekular dalam agama lain, dan larangan penguasaan ilmu-ilmu yang kononnya sekular walaupun diterokai dan dikembangkan oleh ulama-ulama Islam sebelum ini. -- Lagi.

♥10/06/15-35MST

U GB 10-06 00168 BH533

aab

Mahathir - Islam 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata tindakan ini menjadikan pandangan umat Islam sempit, daif, lemah dan mudah dikuasai.

Bagaimanapun, katanya, golongan ini tidak pula sejan menggunakan hasil ciptaan ilmu-ilmu yang diharamkan itu, termasuk kemudahan untuk pertahanan dan beribadat.

Perdana Menteri berkata memandangkan umat Islam bergantung kepada ilmu dan perusahaan milik orang lain, maka kita tidak dapat menyelamatkan umat Islam yang ditindas jika tidak diizinkan oleh pembekal kita.

"Oleh itu, janganlah kita larang penguasaan ilmu-ilmu ini. Sebaliknya kita hendaklah menggalakkan muda-mudi Islam tekun mempelajari ilmu-ilmu ini di samping ajaran Islam yang sebenar," katanya.

Dr Mahathir juga berkata walaupun Malaysia tidak berusaha untuk menjadi negara contoh kepada negara-negara Islam, ramai orang Islam dan negara-negara Islam menerima Malaysia sebagai contoh dan teladan yang baik untuk mereka.

Kita tidak seharusnya menjadi angkuh kerana pengiktirafan ini, malah harus terus mempertahankan pendekalaan kita yang mengimbangi antara dunia dan akhirat seperti yang disuruh oleh agama Islam, katanya. -- Saqi.

▼10/06/15-38MST

CNS5578

U GB 10-06 00129 BH534

aab

Mahathir - Islam 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata kita amat bertuah kerana negara kita aman dan selamat berbeza dengan keadaan di beberapa negara Islam yang lain, yang bukan sahaja mengalami kebuluran yang teruk, tetapi rakyatnya diserang, diseksa dan dibunuh, kerap kali juga oleh orang yang seagama dengan mereka.

"Puak pelampau yang berselindung dengan nama Islam seringkali mencetuskan huru-hara dengan melakukan pembunuhan dan letupan dalam usaha menjatuhkan Kerajaan yang didakwa oleh mereka sebagai tidak cukup Islam," katanya.

Hasilnya negara-negara Islam menjadi lemah dan miskin sehingga tidak berupaya mempertahankan kedaulatan mereka, katanya.

Beliau berkata jika puak pelampau ini berjaya pun, mereka akan mewarisi negara yang miskin dan lemah yang tidak akan terlepas daripada penguasaan asing. -- Bernama.

HK AZ.